



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JPV TERIMA PERMOHONAN BAWA MASUK 24,491 LEMBU, 983 KERBAU DARI THAILAND, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	DOF SELANGOR GAGALKAN 2 CUBAAN PEMILIKAN, PENGAMBILAN ANAK KERANG SECARA HARAM, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	KADA UPGRADES BUKIT KUANG DAM TO BOOST PADI FIELDS, NATION, THE STAR, M/S – 3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
4.	DROUGHT-HIT FARMS SEE RELIEF, NATION, THE STAR, M/S – 3	LAIN – LAIN
5.	6 PANGKALAN SELUDUP LEMBU DIKENAL PASTI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	
6.	HARGA UDANG DIJANGKA NAIK 30 PERATUS MULAI JUN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

DOF Selangor gagalkan 2 cubaan pemilikan, pengambilan anak kerang secara haram

Shah Alam: Jabatan Perikanan (DOF) Selangor berjaya mengagalkan dua cubaan pemilikan dan pengambilan anak kerang secara haram dalam serbuan berasingan di Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

DOF Selangor berkata, dalam kes pertama yang berlaku Sabtu lalu pihaknya menjalankan pemeriksaan di kawasan penempatan sekitar Sungai Haji Dorani.

“Seramai empat anggota

Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan (CKOPP) Selangor Operasi menjalankan operasi pada jam 1.15 tengah hari itu selepas menerima maklumat awam.

“Hasil pemeriksaan menemui 13 guni berisi bahan seakan-akan pasir hitam disyaki anak kerang bersaiz kurang daripada empat milimeter (mm),” katanya dalam satu kenyataan semalam.

DOF Selangor berkata, bagaimanapun tiada individu yang tampil mengaku sebagai pemilik semua guni berkenaan ketika pemeriksaan dijalankan sebekum pihaknya menyitanya.

“Semua hasil sitaan Seksyen 29 Akta Perikanan 1985 itu dianggarkan bernilai RM5,200.

“Barang sitaan kemudian dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk tindakan dan siasatan lan-

jut,” katanya.

Beliau berkata, pada hari sama pihaknya sekali lagi mematahkan aktiviti pengambilan anak kerang di jeti di Pasir Penambang.

“Sebanyak 31 unit tangguk bernilai RM930 dirampas selepas ditinggalkan sekumpulan individu yang melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa.

“Kes itu disiasat mengikut Seksyen 29 Akta Perikanan 1985,” katanya.

JPV terima permohonan bawa masuk 29,491 lembu, 983 kerbau dari Thailand

Kuala Lumpur: Sebanyak 29,491 lembu dan 983 kerbau baru dimohon untuk dibawa masuk dari Thailand bagi tujuan penyembelihan sempena Aidiladha pada tahun ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bakal meluluskan, jumlah itu berdasarkan data permohonan permit import yang direkodkan dalam sistem e-Permit bagi tempoh Januari hingga April lalu.

Menurut jabatan itu, data yang direkodkan setakat ini membuktikan permohonan menerusi permit import.

"Bekalan ternakan korban untuk Aidiladha di seluruh Malaysia bagi tahun ini dijangka mencukupi berdasarkan bekalan ternakan tempatan dan import yang ada ketika ini.

"Statistik sehingga April lalu menunjukkan stok bekalan lembu dan kerbau tempatan bagi tujuan korban adalah sebanyak 35,127 ekor, manakala bekalan import yang sedia

nakan import yang sedia untuk disembelih sebanyak 4,232 ekor.

Katanya, jumlah keseluruhan bekalan kambing dan bebiri untuk ibadah korban tahun ini adalah sebanyak 30,047 ekor.

"Selepas mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, dianggarkan permintaan lembu dan kerbau untuk korban tahun ini adalah se-

mah sembelih yang diluluskan.

Menurutnya, permohonan PSL perlu dibuat lebih awal bagi membolehkan sermak kesesuaian lokasi, status kesihatan haiwan, pematuan kebajikan haiwan, kebersihan tempat sembelihan serta kaedah pelupusan sisa dilakukan dengan teratur.

"Penganjur juga perlu memastikan haiwan yang disembelih mempunyai dokumen sah, sihat, tidak menunjukkan tanda penyakit dan dikendalikan secara berhemah di lokasi yang ditbenarkan," katanya.

banyak 40,420 ekor, manakala kambing dan bebiri pula sebanyak 22,424 ekor," katanya.

Dalam pada itu, JPV menasihatkan semua penganjur ibadah korban tertamaskan, komuniti setempat dan individu supaya mendapatkan Permit Sembelih Luar (PSL) daripada DVS negeri sebelum menjalankan sembelihan di luar ru-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2026	THE STAR	NATION	3

Kada upgrades Bukit Kuang dam to boost padi fields

PASIR PUTEH: The RM4.4mil Bukit Kuang Dam improvement project, which began last month, is expected to benefit an additional 300ha of padi fields in Pasir Puteh.

Kemubu Agricultural Development Authority (Kada) chairman Khalid Abd Samad said the project involves maintenance works on water gates, river cleaning and embankment protection through the installation of steel piling along 320m across five main padi areas, benefiting 50

padi farmers.

He said the project, expected to be completed in November, is a high-impact Madani government initiative aimed at strengthening irrigation and drainage systems for padi areas under Kada's irrigation scheme.

"The main focus of this project is to improve the supply of agricultural water as part of the government's long-term effort to strengthen the nation's food security agenda," he said after launching the Bukit Kuang Dam project

for the Selising irrigation scheme yesterday, reports Bernama.

Khalid said the facility would ensure a sufficient and consistent water supply throughout the planting season, particularly during dry periods, while also reducing the risk of excess water during heavy rain or floods that could damage crops and disrupt planting schedules.

He said the infrastructure upgrade project is the largest implemented in Pasir Puteh to date and is expected to boost the

morale and prospects of farmers in the area.

He added that the project is also one of the key initiatives under the 13th Malaysia Plan (13MP), involving infrastructure upgrades under the Kumpulan Pengguna Air Selising Satu, with a total value of RM23mil.

Meanwhile, he said padi productivity in Kada-managed areas increased last season, with yields reaching up to 10 metric tonnes per hectare.

"This increase was driven by

various factors, including improvements to the irrigation system across districts in Kelantan, as well as the Kemubu 4 facility, which began operations this year.

"We hope this development will attract more young people to venture into agriculture, which has strong prospects for the future."

He also said that Kada aimed to explore new cultivation areas to increase food production and position Kelantan as one of the country's key contributors to the sector.

Drought-hit farms see relief

Farmers waiting to resume planting as rain could affect yields

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

ALOR SETAR: Just weeks ago, padi farmers were looking at dry, parched fields and hoping for rain. Now the rains have come – in a torrent – and many plots in Pendang, Kedah, are flooded instead.

Farmers remain cautious about resuming planting, however, fearing that harvesting during the monsoon season could affect yields and grain quality.

Farmer Shuib Ismail, 66, said he has yet to begin planting because of the flooded plots.

And there is another problem – fuel.

“Not all farmers can afford their own tractors, so we rent them but tractor operators are unable to fix prices because fuel costs are unstable.

“It used to cost below RM500 per ha, but now it is at least RM800 per ha,” he said yesterday.

Shuib said planting too early would also mean harvesting in October or November, during the rainy season.

“We may delay planting. I plan to start between the end of June and the end of July. Harvesting would then fall towards the end of the year when conditions are drier.

“Although it means some delay, we can produce better yield.”

He said dry weather during



Working the land: A tractor ploughing a padi field in Bukit Mertajam, Penang. – ZHAFARAN NASIB/The Star

harvest is crucial as prolonged rain could affect grain quality, increase moisture levels and make it difficult for machinery to enter flooded fields.

Despite the recent rains, Shuib is worried if irrigation supply will remain sufficient.

“Although it is raining and the fields are flooded, dam levels are still low and we are unsure if there will be consistent water supply,” he said.

Water levels at Muda Dam stood at 16.52% yesterday, up from 7.43% on May 2.

The dam is a key irrigation source for Kuala Muda areas, which produce about 40% of the country's padi supply.

Ahning Dam recorded 51.55%, while Pedu Dam stood at 42.6% and Beris Dam at 58.37%, all showing an upward trend.

The Muda Agricultural Development Authority (Mada) said cloud seeding operations had been initiated at several key dams in Kedah, while repair works on irrigation canals and land preparation by farmers are also being intensified.

Kubang Pasu farmer Abdul Rahman Mat, 58, said some farmers are waiting in the hopes that dam levels will stabilise and planting schedules can be better managed.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu had earlier said that more than half of the padi fields in Kedah, including Mada areas, entered the ploughing stage.

Although dam levels remain below satisfactory levels, he said planting is expected to begin as soon as water becomes available

Climate Pause

Climate models warn that heat stress from global warming will not only cut rice yields – it will also lower quality, endanger farmers' health, hasten spoilage and degrade fertile land.

in the fields.

Earlier this month, it was reported that almost 90% of padi farmers in Kedah had not planted for the first season due to rising operational costs and water shortages.

Meanwhile, irrigation and drainage systems in Penang's padi-growing areas are functioning well, the state's agrotechnology, food security and cooperative development committee chairman Datuk Rashidi Zinol said.

He added that planting in South Seberang Perai had largely been completed on schedule while North Seberang Perai recorded only a one-week delay in water entry due to irrigation management.

Central Seberang Perai, meanwhile, experienced a two-week delay because of slower water entry and longer land preparation.

The situation remains manageable and has not affected overall padi production in the state, said Rashidi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	12

6 pangkalan seludup lembu dikenal pasti

Kota Bharu: Sekurang-kurangnya enam pangkalan haram dikenal pasti menjadi laluan penyeludupan lembu dari Thailand menjelang Aidiladha tidak lama lagi.

Enam pangkalan haram berkenaan ialah Tualang, Pok Ngah Pisau Raut, Kuala Jambu, Tanjung, Relau dan Mek Gombak dengan semua pangkalan haram itu berada di sepanjang Sungai Golok di Tumpat.

Komander Briged Tenggara, Senior Asisten Komisyoner Ahmad Radzi Hussain berkata, permintaan terhadap lembu seludup dijangka akan meningkat untuk kegunaan ibadah korban pada Aidiladha ini.

“Hasil risikan dan siasatan mendapati, modus operandi digunakan sindiket penyeludupan lembu ialah haiwan berkenaan akan ditarik secara senyap menyeberangi Sungai Golok untuk ke kawasan semak atau tebing sungai di sebelah Malaysia.

“Haiwan berkenaan akan dibawa ke kandang berhampiran atau kandang berdaftar dengan Jabatan Veterinar bagi mengaburi atau dikesan pihak berkuasa sebelum diangkut menggunakan lori.

“Kebanyakan pergerakan sindiket ini dilakukan pada waktu malam bagi mengelak daripada dikesan pi-

hak berkuasa,” katanya.

Ahmad Radzi berkata, harga lembu dibeli di Thailand RM2,000 hingga RM3,000 seekor bergantung kepada saiz, sebelum lembu berkenaan dijual di Malaysia dengan harga RM4,000 hingga RM6,000.

“Harga dijangka meningkat menjelang Aidiladha memandangkan permintaan tinggi untuk kegunaan ibadah korban.

“Dari segi upah pula, orang tengah akan menerima RM30 hingga RM50 bagi setiap ekor lembu diseludup dari Sungai Golok sehingga ke kandang.

“Transporter pula menerima upah RM1,000 hingga

RM1,500 bagi setiap trip lori. Bayaran ini bergantung kepada jarak, risiko dan jumlah muatan dibawa.

“Sepanjang Januari hingga Mei, kita merekodkan lapan kes berkaitan rampasan lembu membabitkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM1 juta.

“Daripada jumlah berkenaan, kami merampas 89 lembu bernilai RM329,000 dan lapan kenderaan bernilai RM672,000,” katanya. Ahmad Radzi berkata, kegiatan itu dijangka meningkat menjelang Aidiladha, pihaknya mengambil beberapa pendekatan bagi mengekang kemasukan lembu seludup itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Harga udang dijangka naik 30 peratus mulai Jun

PETALING JAYA: Harga udang ternakan dijangka meningkat sekitar 30 peratus atau lebih susulan penggantungan sementara import lima jenis udang dari Thailand ke Malaysia mulai 1 Jun ini.

Jika kenaikan 30 peratus berlaku, harga udang yang kini berada sekitar RM31 hingga RM55 sekilogram boleh meningkat kepada kira-kira RM40 hingga RM72 sekilogram bergantung kepada jenis, saiz dan lokasi jualan.

Pengerusi Persekutuan Perikanan Malaysia, Sing Kian Hock berkata, penggantungan tersebut dijangka memberi kesan kepada bekalan udang tempatan berikutan kebergantungan negara terhadap sumber import.

Beliau berkata, langkah itu bagaimanapun bersifat sementara selepas pihak berkuasa mengesan paras antibiotik melebihi piawaian ditetapkan dalam makanan laut berkenaan.

Menurutnya, walaupun penggantungan itu bukan larangan kekal, ia tetap dijangka mengurangkan bekalan di pasaran dan menyebabkan harga udang ternakan meningkat.

“Kenaikan harga ini bergantung kepada saiz udang. Ada saiz yang mungkin naik lebih tinggi kerana permintaannya lebih banyak, terutama bagi kegunaan restoran, pemborong dan pemproses makanan laut.

“Penggantungan adalah sehingga laporan pemeriksaan serta kelulusan daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan



SING KIAN HOCK

Malaysia (MAQIS) diperolehi,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Kian Hock berkata, sebagai alternatif, pemborong boleh meningkatkan import udang ternakan dari Indonesia bagi menampung kekurangan bekalan dari Thailand.

Beliau berkata, udang ternakan dari Indonesia semanganya sudah memasuki pasaran Malaysia namun jumlahnya perlu ditambah sekiranya bekalan dari Thailand terhenti.

Namun, apabila bekalan dari Thailand dihentikan sementara, kami perlu meningkatkan import dari Indonesia bagi membantu menstabilkan harga.

“Kita berharap kenaikan harga udang dapat dikawal sekitar 20 peratus,” katanya.

Kian Hock berkata, permintaan pasaran Malaysia terhadap udang ternakan sangat tinggi namun kos penternaan tempatan yang mahal menyebabkan bekalan dalam negara hanya mampu menampung sekitar 30 hingga 40 peratus daripada keseluruhan pasaran.